

SOALAN NO: 46**PARLIMEN MALAYSIA****PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : Lisan****DARIPADA : Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary
[Bachok]****TARIKH : 22 November 2017****SOALAN : Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan: -**

kadar harga ikan di Kelantan sepanjang 5 tahun. Apakah kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti di setiap Kementerian yang berkaitan, yang menyebabkan rakyat terpaksa menanggung beban harga ikan yang mahal dan tidak menentu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah melaksanakan Program Risikan Harga Ikan bertujuan untuk menyalur dan menyebarkan maklumat serta keperluan pasaran sektor perikanan Negara. Ia juga penting bagi memastikan ketepatan perancangan berkaitan industri perikanan dapat dipertingkatkan dan pasaran sektor perikanan Negara menjadi lebih berkesan.

Berdasarkan kepada Program Risikan Harga Ikan tersebut, didapati bahawa harga beberapa spesies ikan terpilih di Negeri Kelantan menunjukkan purata peningkatan harga di antara 4 hingga 9 peratus dalam tempoh 5 tahun. Spesies ikan yang dimaksudkan adalah ikan Aya Kurik, Cencaru, Kembung, Pelaling, Selar dan Selayang.

Purata harga ikan Selayang dan Cencaru dari tahun 2013 hingga 2017 adalah sebanyak RM8.00 sekilogram dengan purata peningkatan harga masing-masing adalah 4 dan 6.7 peratus setahun. Manakala purata harga ikan Kembung

adalah RM10.80 sekilogram dengan purata peningkatan harga setahun sebanyak 7.3 peratus.

Kementerian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysian juga telah mengenalpasti beberapa faktor yang dapat mempengaruhi harga ikan di pasaran iaitu:

1. Pengurusan rantaian nilai yang panjang dan kurang cekap menyebabkan pertambahan bagi kos pengendalian ikan;
2. Kekangan bekalan ikan di pasaran terutamanya pada musim tengkujuh dan perayaan yang mendorong kepada peningkatan harga ikan; dan
3. Permintaan terhadap spesis ikan tertentu yang menyebabkan ikan tersebut dijual dengan harga yang lebih tinggi.